

<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>(PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat sebarang terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang anda tidak faham, sila dapatkan nasihat bebas dan/atau berbincang dengan wakil Bank sebelum menandatangani di bawah.)</p>	<p><b>VERSI BAHASA MALAYSIA</b></p> <p>Bank : <b>Affin Islamic Bank Berhad</b>          Produk : <b>Bil Perundingan Asing-i / Domestik-i (FBN-i/DBN-i)</b></p> <p>Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan:          _____          (hendaklah dilengkapkan semasa permohonan)</p>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p>	
<p>Bil Perundingan Asing-i/Domestik-i (FBN-i/DBN-i) adalah satu kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada pelanggan di mana pihak Bank merunding bil asing / domestik yang disediakan di bawah Surat Kredit-i yang dikeluarkan bagi diri mereka. Pihak Bank akan membayar dokumen yang dikemukakan yang mematuhi terma- terma dan syarat-syarat Surat Kredit-i. Ianya dikawal di bawah Amalan Kredit Berdokumen dan Kastam Berseragam (UCP) yang diterbitkan oleh Dewan Perdagangan Antarabangsa.</p> <p>Tiada had diperlukan untuk rundingan dokumen bersih untuk pelanggan-pelanggan kami, manakala jika terdapat dokumen percanggahan ianya boleh dibiayai dengan syarat pelanggan itu telah diluluskan dengan had percanggahan.</p>	
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</b></p>	
<p>Bai al-Dayn Bi al Sila' adalah merujuk kepada pembelian hutang melalui penukaran dengan komoditi diikuti dengan penjualan komoditi oleh pelanggan bagi mendapatkan tunai. Ia adalah kemudahan pembiayaan jangka pendek di mana pihak Bank akan membeli hutang yang biasanya dijamin dalam bentuk bil pertukaran.</p>	
<p><b>3. Apa yang saya perolehi dari produk ini?</b></p>	
<p>Bil Perdagangan-i – Surat Kredit-i (Bayaran atau permintaan)          Jumlah Had : _____          Komisen Surat Kredit-i : _____</p>	
<p><b>4. Apakah kewajipan saya?</b></p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Kredit-i perlu dibayar apabila dituntut</li> <li>• Jumlah yang perlu dibayar kepada pihak Bank adalah termasuk yuran dan caj</li> </ul>	
<p><b>5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?</b></p>	
<p><b>Yuran dan caj</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Kadar Keuntungan</li> <li>➢ Komisen</li> <li>➢ <sup>2</sup>Yuran Pembrokeran</li> <li>➢ Lain-lain caj</li> </ul>	<p><b>Amaun (RM)</b></p> <p>Kos Dana Islamik (<i>iCOF</i>) / Kadar Asas Pembiayaan <sup>1</sup>(KPA) + Margin</p> <p><b>Kadar keuntungan yang dikenakan adalah tetap sepanjang tempoh pembiayaan.</b></p> <p>0.1% secara rata bergantung kepada minimum RM 10.00 dan :          Asing : Maksimum RM 100.00          Ringgit : Maksimum RM 500.00</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Pelanggan Korporat</u>              RM10.00 bagi setiap RM1 juta secara pro rata.</li> <li>• <u>Pelanggan SME</u>              RM5.00 bagi setiap RM1 juta secara pro rata</li> </ul> <p>Semua caj lain hendaklah mengikut Tariff Caj Piawai Bank</p>

**Nota:**

- <sup>1</sup>KPA adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan KPA semasa adalah 6.81% setahun.
- <sup>2</sup>Yuran Pembrokeran adalah tertakluk kepada perubahan-perubahan atas kos pembrokeran yang dicaj oleh penyedia pelantar komoditi dari semasa ke semasa

**6. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?**

• **Selepas tarikh matang kemudahan tersebut**

Satu jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa harian semalaman Pasaran Wang antara bank Islam (IIMM) pada baki belum jelas ditolak ibra' (jika ada)

$$= \text{Baki Belum Jelas} \times \text{Kadar Semasa IIMM} \times \frac{\text{Bilangan hari lampau tempoh}}{365/366}$$

Sila rujuk kepada kewajipan anda yang disebut di dalam Surat Tawaran Bank.

**7. Apakah risiko utama?**

Anda akan terdedah kepada risiko di mana barang-barang yang diterima adalah tidak selaras dengan kontrak jualan seperti di bawah UCP 600 (peraturan antarabangsa yang mengawal Surat Kredit):

- Bank hanyalah berurusan dengan dokumen dan bukan barangan dalam Surat Kredit.
- Surat Kredit adalah urusan niaga berasingan daripada kontrak jualan walaupun Surat Kredit yang dikeluarkan adalah berasaskan kontrak jualan.

**8. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi pihak Bank dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif lain pembayaran.

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda diminta mengisi borang "Borang Maklum Balas" yang boleh didapati di laman sesawang [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com) yang akan dihantar ke Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi. Anda juga boleh menghubungi pihak Bank di:

**Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi**

**Tingkat 9, Menara Affin,  
Lingkar TRX,  
Tun Razak Exchange,  
55188 Kuala Lumpur.**

**Telefon** : 03-8230 2222  
**Faks** : 03-2026 1104  
**E-mel** : [yourvoice@affingroup.com](mailto:yourvoice@affingroup.com)  
**Laman Web** : [www.AffinAlways.com](http://www.AffinAlways.com)  
[www.affingroup.com](http://www.affingroup.com)

- Secara alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**

**Tingkat 5 and 6,  
Menara Aras Raya  
(Dahulu dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce),  
Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.**

**Telefon** : 03-2616 7766  
**Faks** : 03-2616 7601  
**E-mel** : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)  
**Waktu Urusan** : **9:00 pagi – 5:00 petang**  
(Isnin – Jumaat)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) di:

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) (664393P)**  
**(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)**  
**Tingkat 14, Blok Utama,**  
**Menara Takaful Malaysia**  
**No. 4, Jalan Sultan Sulaiman**  
**50000 Kuala Lumpur**

**Telefon** : 603 – 2272 2811  
**Fax** : 603 – 2272 1577  
**E-mel** : [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
**Laman Web** : [www.myknp.com.my](http://www.myknp.com.my)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia Link di:

**BNMLINK**  
**Bank Negara Malaysia**  
**P.O. Box 10922 (Peti Surat 10922)**  
**50929 Kuala Lumpur**  
**Telefon** : 1-300-88-5465  
**Faks** : 03-21741515  
**E-LINK** : <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

**9. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi cawangan kami berhampiran anda atau hubungi Pusat Panggilan kami 03-8230 2222 atau layari laman web kami di [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com).

**11. Pakej pembiayaan lain yang disediakan**

Bank menawarkan kemudahan bil perdagangan lain seperti Jaminan Bank-i (BG-i), Bil Penerimaan-i (AB-i), Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i), Surat Kredit-i (LC-i), Jaminan Perkapalan-i (SG-i), Resit Amanah-i (TR-i) dan Pembiayaan Modal Kerja-i (WCF-i).

**NOTA PENTING:**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA  
ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR PEMBIAYAAN ANDA.**

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari **20 OKTOBER 2023**

Saya / Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya / kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya / kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
No Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_